


Tuesday, November 21, 2017

# SEKOLAH DAN TAHFIZ KIBLAH

Video Ringkas Sejarah Perkembangan Sekolah Kiblah dan Pembinaan Kompleks Pendidikan YAKIN. Dana masih diperlukan bagi menyempurnakan Pembangunan dan keselesaan pelajar.




**SEJARAH PENUBUHAN SEKOLAH KIBLAH**

Sekolah Kiblah merupakan sebuah Institusi Pengajian Swasta Berasrama Penuh. Pada awalnya Sekolah Kiblah beroperasi pada Januari 1993 di Tanjung Kling dengan nama Institut Kiblah, 17 Km daripada Melaka Bandaraya Bersejarah. Memulakan pengajian dengan hanya 12 orang pelajar sahaja di rumah peninggalan keluarga Allahyarham Dr Mohammad Nor, salah seorang pengasas Sekolah Kiblah dan pengasas kepada Koperasi Homeopathy Melaka Berhad.




Al Asma' Al Husna

Islamic Calendar

Search This Blog

Sekolah Kiblah

kiblah logo.png

Buku Manhaj Aqidah AS




Buku Manhaj (Skima/Sc




Pandangan Ulama-Ulam
Sekarang-








Setahun kemudian, Sekolah Kiblah telah berpindah ke Pedas, Negeri Sembilan. Pada awalnya nama Sekolah Kiblah diberi nama Kolej Kiblah. Di sinilah bakal dibina kompleks Sekolah Kiblah dengan keluasan tanah 104 ekor. Kedudukannya agak sesuai memandangkan ianya jauh daripada kesibukan bandar dan sangat dekat dengan susur keluar tol Pedas-Linggi jika melalui Lebuh Raya Utara Selatan. Pihak sekolah telah membina kelas-kelas pengajian dan asrama pelajar secara berperingkat. Namun begitu, ketentuan Allah Taala mengatasi semua perancangan makhluk-Nya.



Pages

- Home
- MANHAJ ASWJ AS I
- BUKU MANHAJ AQI JAMAAH
- RISALAH KEPADA A DAKWAH AH...
- BUKU MANHAJ (SK ASSUNNAH WAL JA
- Kontroversi PENGGU

Untitled-1111.gif

Carian Topik

- 1. BUKU MANHAJ A
- 2. BUKU MANHAJ A JAMAAH
- 3. RISALAH KEPADA dan Kata Pengantar
- BUKU MANHAJ AHL Bab 2.3.1 Definisi Isl
- BUKU MANHAJ AHL Bab 2.4.1 Definisi al
- BUKU MANHAJ AHL Bab 2.4.2 Bahagian I
- BUKU MANHAJ AHL Bab 2.4.2 Bahagian I
- BUKU MANHAJ AHL Bab 2.4.2 Bahagian I
- BUKU MANHAJ AHL Bab 2.4.2 Bahagian I Anggota Badan
- BUKU MANHAJ AHL Bab 2.4.3 Perbincan Adalah Termasuk Da
- Buku MANHAJ AQID
- Buku Manhaj Aqidah
- Buku Manhaj Aqidah Golongan Ahli Bid'ah
- Buku Manhaj Aqidah
- Buku MANHAJ AQID Kepentingan dan Su Penerimaan Golonga
- Buku Manhaj Aqidah Tauhid
- Buku Manhaj Aqidah Aqidah Muktamad
- Buku MANHAJ AQID Amalan dan Martaba
- Buku MANHAJ AQID Iman
- Buku MANHAJ AQID
- Buku Manhaj Aswj # Manusia Dalam Pem
- Buku Manhaj Aswj # Bahasa Syarak Feqa
- Buku Manhaj Aswj # Ahli ASWJ
- Buku Manhaj Aswj # As-Sunnah Wal Jama
- Buku Manhaj Aswj # Akhlak dan Pendeka kepada Pegangan A
- Buku Manhaj Aswj # wal Jamaah
- Buku Manhaj Aswj # Terpisah dari Ahli As
- Buku Manhaj Aswj # Yang Bertentangan c Jamaah
- Buku Manhaj Aswj # Jamaah Berurusan d Menyeleweng
- Buku Manhaj ASWJ
- Buku Manhaj Aswj F
- Buku Manhaj Aswj J antara Manhaj ASW sufiah
- Buku Manhaj Aswj J antara ASWJ dan go
- Buku Manhaj Aswj J perbezaan antara M
- Buku Manhaj Aswj J perbezaan antara M asyaerah atau ahli ka
- Carta Manhaj ASWJ








- DAURAH MANHAJ A JAMAAH
- DR. USTAZ ISMAIL I
- gabungan ahli sunna
- gasma
- HUKUM ULAMAK-U SYIAH -Dahulu dan S
- Ismail Omar kiblah
- Ismail Omar kiblah m
- KITAB MANHAJ AHL
- Kongres Maruah Mel
- Manhaj Aqidah ASW
- NOTA: FITRAH YAN KEWUJUDAN ALLAI
- NOTA: PENERIMAA TERHADAP ASWJ
- PERPADUAN ASAS
- Petikan dari Buku "P terhadap SYiah" -Da
- Risalah kepada Ahli Kepada Pendapat Gu
- Risalah kepada Ahli Fitrah Yang Suci
- Risalah kepada Ahli Pembabasan dalam
- Risalah Kepada Ahli Bilangan Guru-Guru
- Risalah kepada Ahli Semasa (Fiqh Alwaq
- Risalah kepada Ahli dalam Islam
- sekolah kiblah malay
- sekolahkiblahmalays
- SRI KIBLAH KOTA E
- VIDEO Bahaya Syi'a
- YAKIN
- Yayasan Kebajikan N



**ISI**

Malays

Haji Is Pinang Jaya, Selangor. Setelah Keb. Petaling Jaya, Sek dan Deakin High Schoo melanjutkan pelajaran d Australia (pelajar terbail Management - Honours PhD di Universiti yang s berhijrah ke Mekah al M pengajian Islam di Hala Masjid Qatari, Universiti masjid-masjid lain serta daripada Masyaikh di M beliau ialah dalam bidan Tafsir dan Feqah sehing hadith Sahih al Bukhari, Imam Malik.

View my complete profil




Free counters

Total Pageviews

4





Pada akhir tahun 1995, Sekolah Kiblah mula berpindah ke Sungai Merab Jaya, Bangi, Selangor. Kali ini Sekolah Kiblah menyewa satu pusat latihan bina insan yang dimiliki oleh Tn Hj Hasan bin Mukhtar. Prasarana di sini agak baik kerana susun aturnya agak menepati iklim atau suasana sebuah sekolah. Memiliki kelas-kelas pengajian yang agak selesa, dewan utama, dewan makan, asrama pelajar, pejabat dan padang bola. Kebanyakkan binaan di sini diperbuat daripada kayu atau papan.



Followers






SELAMAT DATANG






Pada tahun 1997, Sekolah Kiblah berkembang maju dengan tertubuhnya Maahad Tahfiz Kiblah di lokasi yang sama. Majlis perasmian Maahad Tahfiz Kiblah disempurnakan oleh Syeikh Muhammad Abdul Kadeer Mandiliy dan Syeikh Sulaiman As Saloomi. Kedua-duanya adalah antara pengasas kepada penubuhan Sekolah Kiblah. Pada awal penubuhannya, hanya terdapat seorang guru tahfiz sahaja, Ust Hafiz Ibrahim dan 15 orang pelajar.


BAS SEKOLAH













Tiga tahun selepas itu iaitu pada tahun 2000, Sekolah Kiblah maju setapak lagi dengan tertubuhnya Sekolah Kiblah Perempuan di Sungai Merab Hulu, 4 km daripada lokasi Sekolah Kiblah Lelaki. Bangunan ini juga dimiliki oleh keluarga Tn Hj Hassan bin Mukhtar dan dijadikan tempat latihan seperti di Sungai Merab Jaya.











Setelah 14 tahun beroperasi di Sungai Merab Jaya, Sekolah kiblah sekali lagi berpindah ke tapak Asrama Bestari, milik Yayasan Selangor yang terletak di Ampar Tenang, Dengkil pada 26 Julai 2010. Lokasi baru ini agak strategik kerana ianya terletak di antara KLIA, Putrajaya dan Cyberjaya. Susun atur bangunan ini sememangnya seperti sebuat sekolah dan sangat selesa dengan kemudahan yang ada.






27.09.2010 08:00









Setelah menempuh berbagai ranjau dan cabaran setelah sekian lamanya, akhirnya tibalah masa Sekolah Kiblah berlabuh ke destinasinya yang terakhir. Terletak di Jenderam Hulu bersebelahan Bukit Unggul dan Nur Bukit Unggul, di situlah Kompleks Pendidikan YAKIN dibina

yang menempatkan 3 Institusi Pendidikan ; Sekolah Kiblah ( lelaki dan perempuan ), Maahad Tahfiz Kiblah ( lelaki dan perempuan ) dan Pusat Matrikulasi Bahasa Arab ( dalam perancangan ). Tempat ini telah pun beroperasi pada tahun 2013 apabila Maahad Tahfiz Kiblah mendudukinya buat kali pertama. Pada penghujung tahun 2013 pula, Sekolah Kiblah ( lelaki ) telah berpindah ke sini dan beroperasi secara rasminya pada tahun 2014.










08.07.2014 09:04




Pada penghujung tahun 2014 ( dengan izin Allah ), Sekolah Kiblah ( perempuan ) yang beroperasi di Dengkil berpindah secara keseluruhannya ke kompleks ini dan memulakan pengajian secara rasmi pada tahun 2015. Maka tamat sudah episod pelayaran yang sungguh panjang ini dan sekalung doa untuk mereka yang telah menabur bakti setelah sekian lamanya hingga ke hari ini. Semoga Allah Taala memberkati usaha murni ini, aaminn.

Pada penghujung tahun 2016, pihak pengurusan Kiblah berhasrat membuat tawaran pengajian Tahfiz Kemahiran / Vokasional sebagai satu nilai tambah kepada Maahad tahfiz Kiblah. Dengan bantuan Ibnu Syarikat Hayyan, sebuah syarikat berdaftar telah bersetuju memberikan bantuan kepada Kiblah untuk mengendalikan Tahfiz Kemahiran/Vokasional. Hanya mengambil pelajar daripada Tingkatan 4, pelajar mampu memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia ( SKM ) yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran ( JPK ) di bawah Kementerian Sumber Manusia. Alhamdulillah, Januari 2017, hasrat ini terlaksana apabila Sekolah Kiblah berjaya melaksanakan program ini dengan pengambilan pelajar seramai 14 orang.











Pada Tahun 2017 juga, Sekolah Kiblah terus berkembang pesat dengan tertubuhnya Kelas Pra Madinah ( Tingkatan 6 ). Kelas ini bermula dengan pengambilan pelajar seramai 17 orang dan pengajiannya bermula Januari 2017. Kelas ini adalah sebahagian daripada syarat pengiktirafan Universiti Islam Madinah, Arab Saudi. Kelas ini hanya menumpukan pengajian dalam bidang agama dan pengajiannya memakan masa selama 7 bulan sahaja. Corak pengajian mereka adalah bersifat kolej atau universiti di mana penekanan terhadap Bahasa Arab dan penulisan bahas amat diutamakan.









Posted by ISMAIL OMAR at 1:10 PM
Labels: sekolahkiblahmalaysia

## No comments:

Post a Comment

Newer Post Home Older Post

Subscribe to: Post Comments (Atom)

Simple theme. Powered by Blogger.